



1. Pentadbiran berasaskan peribumi dipraktikkan oleh SBUB di Sabah. Mengapakah SBUB mengambil tindakan tersebut?

- I Menguasai kekayaan
- II Membantu pentadbiran
- III Mendapat sokongan pembesar
- IV Menyatupadukan kumpulan etnik

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

2. Apakah kawasan yang terawal sekali dikuasai oleh Dinasti Brooke di Sarawak?

- ☐ A Batang Lupar
- ☐ B Kuching
- ☐ C Saribas
- ☐ D Bintulu

3. Apakah tujuan penghantaran kapal HMS Dido yang dimiliki oleh angkatan tentera laut British ke Sarawak?

- ☐ A Memerangi ancaman lanun
- ☐ B Menghapuskan perang saudara
- ☐ C Menentang kebangkitan pembesar
- ☐ D Memperkukuh pertahanan Sarawak

4. Asas pemilikan dan kekuasaan telah diubah oleh Dinasti Brooke. Bagaimanakah asas tersebut ditentukan?

- ☐ A Bangsa
- ☐ B Sempadan
- ☐ C Hak percukaian
- ☐ D Dialek pertuturan

5. Mengapakah British meninggalkan Pulau Balambangan pada bulan November 1805?

- ☐ A Serangan lanun
- ☐ B Masalah kewangan
- ☐ C Penentangan rakyat
- ☐ D Kemerosotan ekonomi

6. Jadual berikut berkaitan dengan tindakan Sultan Brunel.

Tahun	1861
Peristiwa	Sultan Abdul Mumin menyerahkan Sungai Rajang kepada James Brooke dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol setahun.

Mengapakah Sultan Abdul Mumin bertindak sedemikian?

- ☐ A Menghadapi masalah kewangan
- ☐ B Meningkatkan perdagangan
- ☐ C Mengukuhkan kekuasaan
- ☐ D Membalas jasa

7. Pada tahun 1820-an, dalam kalangan masyarakat Melayu tertumpu di Lida Tanah yang terletak di Sungai Sarawak. Apakah kepentingan kawasan tersebut?

- ☐ A Pusat perdagangan
- ☐ B Pusat kebudayaan
- ☐ C Pusat keagamaan
- ☐ D Pusat kesenian

8. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan di Sabah.

Menanam tanaman komersial X di kawasan dataran dan lembah.

Tanaman X ialah tanaman _____.

- ☐ A getah perca
- ☐ B pisang
- ☐ C kapas
- ☐ D rotan

9. Matlamat Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah adalah untuk mengaut keuntungan. Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- I Pengukuhan kuasa politik
- II Pengeksploitasian sumber
- III Mempertahankan hak peribumi
- IV Menjalinkan hubungan dengan kerajaan British

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

10. Pada tahun 1878, Alfred dan Edward Gent telah membuat pajakan terhadap pantai timur Sabah. Siapakah yang membuat pajakan kawasan tersebut?

- ☐ A Sultan Sulu
- ☐ B Sultan Brunei
- ☐ C Sharif Masahor
- ☐ D Datu Patinggi Ali

11. SBUB melibatkan ketua-ketua etnik dalam pentadbiran. Apakah syarat pemilihan ketua tersebut?

- I Keturunan
- II Kepakaran
- III Personaliti
- IV Taraf ekonomi

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

12. Gambar berikut menunjukkan Sultan Brunei, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin II yang berautoriti dalam mengawal kegiatan perdagangan di Sarawak.



Apakah tindakan Sultan Brunei seterusnya?

- ☐ A Menghantar pembesar Brunei
- ☐ B Menyekat kemasukan pelabur
- ☐ C Mengemas sistem pencukalan
- ☐ D Meraih sokongan kaum peribumi

13. Bagaimanakah tindakan Raja Brooke memudahkan pentadbiran di Sarawak?

- ☐ A Memperkenalkan sistem pentadbiran Barat
- ☐ B Mewujudkan sistem residensi wilayah Sarawak
- ☐ C Melantik pegawai-pegawai Barat mengetuai jabatan
- ☐ D Membahagikan Sarawak kepada beberapa bahagian

14. Apakah tanggapan kerajaan British terhadap Syarikat Borneo Utara British (SBUB)?

- ☐ A Pemodal asing
- ☐ B Pelindung rakyat
- ☐ C Wakil kerajaan British
- ☐ D Jajahan mahkota British

15. Maklumat berikut berkaitan dengan Borneo Utara.

Pada 1 November 1881, British North Borneo Provisional Association Ltd. mendapat status piagam. Piagam Diraja diberikan oleh kerajaan British.

Mengapakah Piagam Diraja amat penting bagi Syarikat Borneo Utara British (SBUB)?

- I Kedudukan diiktiraf
- II Ketenteraan dikukuhkan
- III Menerima bantuan kewangan
- IV Mempunyai hak memiliki Sabah

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

16. Apakah ciri persamaan antara pembesar yang berikut di Sarawak?



- Datu Patinggi
- Datu Temenggung

- I Merupakan wakil Sultan Brunei
- II Menjalankan sistem kesukuan
- III Sentiasa diawasi oleh Istana Brunei
- IV Mentadbir kawasan di Sungai Sarawak

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

17. Kedudukan Sabah juga berhampiran dengan laluan Pulau Palawan. Laluan tersebut penting bagi kapal-kapal dagang untuk belayar ke

- I Siam
- II India
- III China
- IV Jepun

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

18. Pilih pernyataan yang betul tentang pembahagian wilayah di Sarawak?

- I Setiap bahagian dipecahkan kepada mukim
- II Sempadan kawasan ini menjadi asas pemilikan pembesar
- III Raja Brooke membahagikan Sarawak kepada tiga bahagian
- IV Charles Brooke menambahkan dua bahagian pada tahun 1885 dan 1890

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

19. Bagaimanakah tindakan James Brooke untuk memperkukuhkan pertahanan di Sarawak?

- ☐ A Penubuhan Renjer Sarawak
- ☐ B Pembinaan kubu pertahanan
- ☐ C Penggubalan undang-undang Barat
- ☐ D Penghantaran kapal perang HMS Dido

20. Tanaman berikut banyak diusahakan oleh masyarakat tempatan di Sabah.



Indigo

Apakah tujuan penanamannya?

- ☐ A Bahan perubatan
- ☐ B Bahan makanan
- ☐ C Bahan pewarna
- ☐ D Bahan pewangi